

PERANAN SENI REKA GRAFIK DALAM PROMOSI TAHUN MELAWAT

SELANGOR 2000

KAJIAN KES : MEDIA CETAK

NAZLINDA BINTI MAHAMUD

96596003

IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA GRAFIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS ALOR GAJAH

OKTOBER 2000

Peranan seni reka grafik dalam promosi Tahun Melawat Selangor 2000

Kajian kes: Media cetak

Nazlinda Binti Mahamud

96596003

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis & Seni Reka,
Universiti Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan Ijazah Seni Lukis & Seni Reka

1. Diperiksa oleh Tarikh
2. Diperiksa oleh Tarikh
3. Diperiksa oleh Tarikh

Dekan

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Universiti Teknologi Mara

Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Penghargaan

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. atas kurniaanNya yang memberikan keizinan dari segi kesihatan mental dan fizikal dalam memberikan kekuatan untuk menyiapkan tugas yang diberikan.

Jutaan terima kasih buat Puan Azian Mohd. Zain selaku penasihat tesis ini, atas segala bimbingan, sokongan serta kesabaran beliau di dalam memberi panduan dan tunjuk ajar kepada penulis sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Kursus Program Seni Reka Grafik Kampus Alor Gajah iaitu Encik Shahrul Azman Bin Shahbudin serta Encik Ahmad Rashidi Bin Hasan selaku Penyelaras Koordinasi Tesis yang banyak membantu. Tidak dilupakan juga buat pensyarah-pensyarah Fakulti Seni Lukis & Seni Reka yang lain.

Setinggi penghargaan buat Y.B. Dato' Ir. Haji Mohd. Zin Haji Mohamed, Pengerusi Eksekutif, TMS 2000 Sdn. Bhd. dan Encik Khaldun Bin Mohd. Redza, Pengurus Promosi dan Pemasaran, TMS 2000 Sdn. Bhd. yang sudi ditemuramah bagi mendapatkan maklumat mengenai Tahun Melawat Selangor 2000. Tidak lupa juga buat Encik Wan Rusli Wan Muda, Pengarah Produksi, Titian Communications Sdn. Bhd. Juga buat Encik Marzuki Maani, Pengarah Seni, McCann Erickson (M) Sdn. Bhd. yang banyak membantu memberikan maklumat serta layanan yang cukup baik. Tidak dilupakan juga mana-mana individu yang terlibat yang banyak membantu dari segi memberikan maklumat dan kerjasama yang diharapkan.

Sinopsis

Tujuan penyelidikan: Penyelidikan tesis ini bertujuan untuk mendapat maklumat mengenai strategi kerajaan Selangor dan badan terlibat yang terbabit dalam usaha mempromosikan Tahun Melawat Selangor 2000 melalui seni reka grafik serta kepentingannya dalam media cetak di dalam negara. Melalui penyelidikan ini kita dapat mengetahui cara, strategi serta pengolahan dan pengaplikasian seni reka grafik dalam media cetak bagi menjayakan promosi untuk Tahun Melawat Selangor 2000 yang diusahakan di dalam negara. Usaha-usaha kerajaan Selangor untuk menjadikan usaha mereka memasarkan industri pelancongan di Selangor mencapai realiti kejayaan Tahun Melawat Selangor 2000 juga dapat dicungkil untuk pengetahuan dan kebaikan bersama.

Kesignifikan penyelidikan: Setiap penyelidikan mempunyai kepentingannya. Ia memberi panduan dan rujukan kepada kerajaan-kerajaan negeri lain dalam strategi mempromosikan Tahun Melawat di negeri masing-masing untuk promosi di dalam negara. Pelajar-pelajar grafik di institut pengajian tinggi juga mendapat manfaat dan maklumat. Ia juga menjadi garis petunjuk dan panduan kepada pereka-pereka grafik dalam penghasilan strategi promosi berkaitan seni reka grafik yang berkesan. Manfaat juga diperolehi oleh agensi-agensi yang terlibat dalam industri pelancongan dalam penghasilan strategi untuk menarik para pelancong.

Kaedah dan metodologi: Penulis telah menjalankan penyelidikan ini menerusi dua kaedah dan prosidur, iaitu kaedah penyoalan dan kaedah penyelidikan untuk mendapatkan maklumat. Bagi kaedah penyoalan iaitu melalui temubual, penulis telah menemubual responden-responden yang terlibat dalam strategi promosi Tahun Melawat Selangor 2000. Kesemua responden ditemubual mengikut kepentingan masing-masing dalam promosi Tahun Melawat Selangor 2000 melibatkan media cetak melalui peranan seni reka grafik. Responden-responden yang telah ditemubual antaranya penggerak promosi Tahun Melawat Selangor 2000, iaitu Encik Khaldun Bin Mohd. Redza, Ketua Bahagian Promosi dan Pemasaran TMS 2000 Sdn. Bhd., dan badan-badan yang dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan promosi dalam media cetak Tahun

Melawat Selangor 2000 dalam seni reka grafik. Selain kaedah temubual, penulis juga telah menjalankan analisis secara pemerhatian mengenai apa yang telah berlaku dan apa yang sedang dan akan berlaku dalam promosi Tahun Melawat Selangor 2000 membabitkan penggunaan seni reka grafik dalam media cetak. Penulis telah melawat sekitar tempat-tempat di mana strategi-strategi promosi dijalankan, dan membuat tinjauan mengenai bahan-bahan promosi dalam media cetak contohnya logo, *bunting*, poster, risalah-risalah dan sebagainya. Pemerhatian melalui pembacaan dalam kaedah sekunder juga dilakukan, contohnya melalui majalah, internet, buku, keratan akhbar dan sebagainya.

Rumusan: Sebagai rumusan, negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang unik dan menarik. Ini didokong dengan peranan pihak kerajaan negeri Selangor yang bukan sahaja ingin menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri perindustrian tetapi juga sebagai sebuah negeri pelancongan dan rekreasi. Di samping mempunyai prasarana yang baik untuk pertumbuhan sektor perindustrian, Selangor juga mempunyai beberapa tempat yang menarik dan berpotensi untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Ini memandangkan sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang kepada sumber pendapatan negeri. Justeru itu, tahun 2000 telah dipilih sebagai tahun yang sesuai bagi Selangor untuk mempromosi industri pelancongan dengan lebih fokus dan sistematik. Promosi melalui media cetak yang berkesan dapat mencapai realiti yang diharapkan dan menarik kehadiran pelawat dan pelancong ke Selangor bersempena Tahun Melawat Selangor 2000. Usaha yang berterusan dalam menghasilkan ciri-ciri rekaan yang baik dalam media cetak melalui seni reka grafik untuk Tahun Melawat Selangor 2000 dapat menjanjikan pulangan yang baik buat kerajaan Selangor dan kejayaan promosi melalui media cetak yang dijalankan, khususnya untuk tujuan promosi di dalam negara.